



POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Hab Pendidikan Tinggi Pagoh
KM1, Jalan Panchor
84600 Pagoh Muar
JOHOR DARUL TAKZIM



Rujukan Kami : PTSN/HEP/600-1/2 JLD 2 (2)
Tarikh : 16 JUN 2025

Pelajar Program Diploma
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)

LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR PTSN BAGI SESI I : 2025/2026

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa sesi kuliah bagi **SESI I : 2025/2026** akan bermula pada **4 Ogos 2025 (Isnin)**.

2. Sehubungan dengan itu, pelajar yang layak meneruskan pengajian bagi **SESI I : 2025/2026** (tertakluk kepada keputusan rasmi pada 19 Jun 2025), dikehendaki melapor diri dengan mendaftar secara atas talian di SPMP (<http://spmp.ptsn.edu.my>) **bermula 24 Jun 2025 dan selewat-lewatnya 1 Ogos 2025**. Bayaran yuran pengajian hendaklah dibuat dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum melapor diri. Sila rujuk lampiran untuk maklumat dan kaedah bayaran serta tatacara lapor diri. Selepas melapor diri, sila rujuk Penasihat Akademik (PA) untuk urusan pendaftaran kursus. Tarikh akhir bagi pendaftaran kursus adalah pada **3 Ogos 2025**.

3. Pelajar yang mendapat basiswa/pinjaman dikehendaki menjelaskan bayaran pengajian kerana basiswa/pinjaman saudara/i tidak akan ditolak secara terus oleh pihak politeknik untuk kegunaan ini **KECUALI** pelajar dibawah tajaan DERMASISWA B40 TVET.

4. Bagi pelajar yang akan menjalani **Latihan Industri pada SESI I : 2025/2026**, saudara/i hendaklah melapor diri kepada penyelaras latihan industri mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI). Tiada bayaran pengajian bagi yang menjalani latihan industri **KECUALI** pelajar lanjutan (Semester 7 dan 9) perlu buat bayaran (RM35) bagi pembaharuan polisi perlindungan takaful kemalangan (rujuk lampiran).


5. Pelajar akan **digugurkan taraf sebagai pelajar** sekiranya GAGAL melapor diri dan tidak memohon penangguhan pengajian atau memohon berhenti pengajian dalam tempoh 8 minggu selepas tarikh lapor diri yang ditetapkan. Pelajar yang telah digugurkan taraf **TIDAK BOLEH** membuat rayuan menyambung pengajian pada sesi semasa.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZHAR BIN IBRAHIM)

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

s.k

- a) Ketua Jabatan Kejuruteraan Petrokimia
- b) Ketua Jabatan Teknologi Kimia dan Makanan
- c) Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
- d) Ketua Jabatan Pengajian Am
- e) Ketua Unit Peperiksaan
- f) Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri
- g) Penasihat Akademik